



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM

LAPORAN BANJIR TAHUNAN

2022



<https://publicinfobanjir.water.gov.my>



Kempen Amaran dan Ramalan Informasi Banjir (KARIB)

Hakcipta terpelihara. Sebarang penerbitan semula samada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

ISSN 2785-910 X
E-ISSN 2600-9986

©Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2022

Annual Flood Reports are published once (1) per year. Authors are fully responsible for the opinions expressed in each article.

All rights reserved. Any form of reproduction either in whole or in part is prohibited except with the written permission of the Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

*Design and print by
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia*

ISSN 2785-910 X
E-ISSN 2600-9986

Diterbitkan oleh:
Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara
KM.7 Jalan Ampang
68000 Ampang, Kuala Lumpur

Kata - Kata Aluan

PENGARAH

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

Ir. Dr. NORLIDA BINTI MOHD DOM



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Ir. Dr. Norlida Binti Mohd Dom

KETUA EDITOR

Ir. Dr. Salwa Binti Ramly

PENOLONG EDITOR

Fazli Bin Ali Hassan

Mohamad Hasmiruddin Bin
Mohd Nasaruddin

Nurul Farhana Binti Osman

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) berjaya menerbitkan Laporan Banjir Tahunan 2022.

Pada kesempatan yang berbahagia ini, saya mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menghasilkan Laporan Banjir Tahunan 2022. Seperti yang kita semua sedia maklum, fenomena banjir merupakan satu cabaran serius yang terus mempengaruhi kehidupan dan persekitaran di seluruh dunia, termasuk juga di tanah air kita.

Laporan Banjir Tahunan 2022 ini merangkumi hasil Laporan Banjir Semasa bagi tahun 2022 di setiap negeri sepanjang tahun 2022 yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri. Setiap kali berlakunya kejadian banjir, JPS Negeri telah melaksanakan pemerhatian dan pengumpulan data - data hidrologi yang komprehensif mengenai situasi banjir semasa yang dilaporkan. Laporan ini tidak hanya mencerminkan upaya keselamatan dan pemulihan dalam menghadapi ancaman banjir, tetapi juga menjadi rujukan penting dalam usaha menambah baik nilai dalam menghasilkan ramalan dan hebahan amaran bencana banjir di negara ini.

Dalam usaha kita mencapai kesejahteraan bersama, saya menghargai dedikasi dan usaha yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam penyediaan laporan ini.

Di akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya berharap Laporan Banjir Tahunan 2022 ini akan menjadi rujukan yang berharga dalam menghadapi cabaran banjir dengan lebih efektif dan bijaksana.

Sekian, terima kasih.

Penerbitan

**Pusat Ramalan Dan Amaran
Banjir Negara
KM 7, Jalan Ampang
68000 Ampang, Kuala Lumpur**

KANDUNGAN

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF	7
1.1. Pengenalan.....	7
1.2. Peristiwa Banjir	9
1.3. Punca-punca Banjir.....	11
1.4. Penutup	14
2.0 LAPORAN KEJADIAN BANJIR MENGIKUT NEGERI.....	15
2.1. Perlis	15
2.2. Kedah	17
2.3. Pulau Pinang.....	30
2.4. Perak	33
2.5. Kelantan.....	35
2.6. Terengganu	41
2.7. Pahang.....	49
2.8. Selangor.....	54
2.9. Melaka	65
2.10. Negeri Sembilan	69
2.11. Johor	76
2.12. Sarawak	87
2.13. Sabah	107
2.14. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.....	125
2.15. Wilayah Persekutuan Labuan	128
LAMPIRAN 1	130
LAMPIRAN 2 (PERLIS)	131
LAMPIRAN 3 (KEDAH).....	133
LAMPIRAN 4 (PULAU PINANG).....	150
LAMPIRAN 5 (PERAK).....	154
LAMPIRAN 6 (KELANTAN)	156
LAMPIRAN 7 (TERENGGANU)	163
LAMPIRAN 8 (PAHANG)	171
LAMPIRAN 9 (SELANGOR)	177
LAMPIRAN 10 (MELAKA).....	188
LAMPIRAN 11 (NEGERI SEMBILAN)	193
LAMPIRAN 12 (JOHOR).....	202
LAMPIRAN 13 (SARAWAK)	204
LAMPIRAN 14 (SABAH).....	228

LAMPIRAN 15 (WP KUALA LUMPUR).....	250
LAMPIRAN 16 (WP LABUAN)	253

SENARAI JADUAL

Jadual 1.2.1 Kejadian Banjir Seluruh Malaysia Bagi Tahun 2022	10
Jadual 1.3.1 Purata Hujan Harian Tertinggi Tahun 2022	11
Jadual 2.1.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Perlis Tahun 2022	16
Jadual 2.1.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Perlis Tahun 2022	16
Jadual 2.1.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Perlis Tahun 2022	16
Jadual 2.2.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Kedah Tahun 2022	18
Jadual 2.2.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Kedah Tahun 2022.....	29
Jadual 2.2.3 Jenis Banjir mengikut daerah di Negeri Kedah Tahun 2022	29
Jadual 2.3.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022	31
Jadual 2.3.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022	32
Jadual 2.3.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022	32
Jadual 2.4.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Perak Tahun 2022	34
Jadual 2.4.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Perak Tahun 2022.....	34
Jadual 2.4.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Perak Tahun 2022	34
Jadual 2.5.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Kelantan Tahun 2022	36
Jadual 2.5.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Kelantan Tahun 2022	39
Jadual 2.5.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Kelantan Tahun 2022	40
Jadual 2.6.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Terengganu Tahun 2022	42
Jadual 2.6.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Terengganu Tahun 2022	48
Jadual 2.6.3 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Terengganu Tahun 2022	48
Jadual 2.7.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Pahang Tahun 2022	49
Jadual 2.7.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah Di Negeri Pahang Tahun 2022	53
Jadual 2.7.3 Jenis Banjir mengikut Daerah Di Negeri Pahang Tahun 2022	53
Jadual 2.8.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Selangor Tahun 2022	55
Jadual 2.8.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah Di Negeri Selangor Tahun 2022	64
Jadual 2.8.3 Jenis Banjir mengikut Daerah Di Negeri Selangor Tahun 2022	64
Jadual 2.9.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Melaka Tahun 2022.....	66
Jadual 2.9.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Melaka Tahun 2022.....	68
Jadual 2.9.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Melaka Tahun 2022.....	68
Jadual 2.10.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Sembilan Tahun 2022	70
Jadual 2.10.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Sembilan Tahun 2022.....	74
Jadual 2.10.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Sembilan Tahun 2022	75
Jadual 2.11.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Johor Tahun 2022	77
Jadual 2.11.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Johor Tahun 2022	86
Jadual 2.11.3 Jenis Banjir mengikut daerah di Negeri Johor Tahun 2022.....	86
Jadual 2.12.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Sarawak Tahun 2022	88
Jadual 2.12.2 Kekerapan Banjir mengikut Bahagian di Sarawak Tahun 2022.....	106
Jadual 2.12.3 Jenis Banjir mengikut Bahagian di Sarawak Tahun 2022	106
Jadual 2.13.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Sabah Tahun 2022	108
Jadual 2.13.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Sabah Tahun 2022.....	123
Jadual 2.13.3 Jenis Banjir mengikut daerah di Negeri Sabah Tahun 2022	124
Jadual 2.14.1 Peristiwa Banjir Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2022	126
Jadual 2.14.2 Jenis Banjir Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2022	127
Jadual 2.15.1 Peristiwa Banjir Di Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2022	128
Jadual 2.15.2 Jenis Banjir Di Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2022.....	129

SENARAI GRAF

Graf 1.2.1: Bilangan Kekerapan Kejadian Banjir bagi Tahun 2022.....	10
Graf 1.3.1 : Purata Hujan Harian Tertinggi Semasa Kejadian Banjir Tahun 2022	12
Graf 1.3.2 : Tempoh banjir maksimum bagi Tahun 2022	12
Graf 1.3.3 : Kedalaman Banjir Maksimum bagi Tahun 2022	14

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN LAPORAN BANJIR TAHUN 2022

1.1. Pengenalan

Malaysia sememangnya terdedah kepada kejadian banjir kerana bentuk muka bumi serta sistem iklim yang mempunyai kadar kelembapan yang tinggi. Perubahan iklim akan meningkatkan lagi tahap kemudahterancaman negara kepada risiko bencana termasuk bencana banjir. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), negara diunjur akan mengalami peningkatan suhu permukaan di antara 1.9° Celsius (°C) hingga 2.1°C pada penghujung abad ini. Dengan peningkatan suhu ini, purata taburan hujan akan turut meningkat sebanyak 14% hingga 25% manakala paras laut dijangka turut meningkat sehingga 0.73 meter dalam tempoh yang sama. Hasil kajian NAHRIM juga mendapati akan berlaku peningkatan intensiti maksima lebat hujan yang akan memberi kesan kepada tahap perlindungan rekabentuk banjir terhadap sistem saliran sediaada serta binaan infrastruktur berkaitan air.

Terdapat empat (4) jenis banjir yang sering berlaku di Malaysia. Banjir yang pertama ialah banjir monsun yang berlaku semasa musim monsun timur laut akibat hujan lebat berpanjangan dalam tempoh yang lama dan banjir lambat surut. Jenis banjir kedua ialah banjir kilat yang berlaku akibat hujan yang sangat lebat dalam tempoh masa yang singkat yang menyebabkan kenaikan air banjir secara cepat dan mendadak namun air banjir cepat surut. Jenis banjir ketiga ialah banjir pantai iaitu berlaku apabila berlaku pertembungan hujan lebat dan juga situasi air pasang yang menyebabkan kawasan persisiran pantai mengalami situasi banjir. Dan banjir keempat ialah banjir genang iaitu banjir yang berlaku di kawasan rendah dan aliran air banjir tidak dapat keluar dengan cepat kerana permukaan bumi yang rendah.

Banjir merupakan salah satu bencana dari lima (5) bencana alam yang sering melanda negara ini selain daripada tanah runtuh, kebakaran hutan, tumpahan minyak dan sebagainya. Banjir merupakan bencana alam yang kritikal dan kerap berlaku yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia. Dari kajian JPS tahun 2012 (*Updating of Condition of Flooding and Flood Damage Assessment in Malaysia*), kawasan yang berisiko banjir ialah sebanyak 10.1% iaitu 33,298km² dari keluasan keseluruhan Malaysia iaitu 330,436km² yang melibatkan seramai 5.7 juta penduduk Malaysia. Manakala anggaran kerugian banjir tahunan ialah RM1.15 billion setahun.

Banjir mungkin berlaku sepanjang tahun tetapi lebih kerap berlaku terutamanya semasa waktu puncak musim monsun timur laut iaitu dari bulan November hingga Januari. JPS mengamalkan kepelbagaian strategi yang terbaik dalam menggabungkan langkah-langkah struktur dan bukan struktur secara holistik dan lestari dalam pengurusan banjir di Malaysia.

- **LANGKAH STRUKTUR** - JPS membina pelbagai struktur kejuruteraan seperti pembinaan ban, lencongan air sungai dan kolam takungan. Selain daripada itu, JPS turut membina pintu air, amfang jajar (barrage) dan rumah pam untuk mengurangkan risiko banjir dengan mengawal kadar alir air sungai;
- **LANGKAH BUKAN STRUKTUR** - Mengubah pendekatan tingkah laku manusia dengan mengadakan sistem ramalan dan amaran banjir. JPS turut mengadakan kempen kesedaran, menyediakan garis panduan, perundangan dan peta banjir.

Kita menerima banjir sebagai proses semulajadi yang tidak dapat dikawal sepenuhnya dan banjir hanya menimbulkan masalah apabila air banjir mengganggu aktiviti manusia. Bagi mengurangkan impak kejadian banjir kepada masyarakat JPS melaksanakan penyelesaian jangka pendek dan penyelesaian jangka panjang.

- **PENYELESAIAN JANGKA PENDEK**
 - i) Memastikan sistem saliran dalam keadaan yang baik dan berfungsi serta diselenggara dengan lebih kerap supaya air larian permukaan dapat dialirkan terus ke sungai dengan lancar;
 - ii) Membaikpulih struktur ban yang rosak atau pecah; DAN
 - iii) Menasihatkan pihak berkuasa tempatan untuk memantau dan mengawal kerja pembinaan dan pemaju perlu mewujudkan pelan hakisan dan kawalan sedimen di tapak.
- **PENYELESAIAN JANGKA PANJANG**
 - i) Melaksanakan kajian dan projek tebatan banjir bagi kawasan-kawasan yang kerap banjir;
 - ii) Menasihatkan pihak berkuasa tempatan untuk menaiktaraf sistem saliran supaya dapat menampung air larian permukaan ketika hujan lebat berlaku;
 - iii) Melaksanakan pendekatan control at source bagi kawasan sedang dalam pembangunan

dengan menyediakan kolam takungan sementara untuk menahan air dari kawasan pembangunan ini yang telah meningkatkan air larian permukaan semasa hujan lebat. Kaedah ini akan dapat mengatasi masalah ketidakupayaan kapasiti sistem saliran sedia ada dan sungai; DAN

- iv) Menyediakan pelan induk (master plan) sistem saliran bagi kawasan-kawasan berisiko banjir dengan mengambil kira taburan hujan semasa/terkini dan kapasiti saliran sedia ada.

Fenomena perubahan cuaca (*climate change*) juga menyumbang kepada ketidakpastian terhadap keamatan (*intensity*) dan *magnitud* sesuatu fenomena cuaca yang boleh mencatat keadaan luar biasa (ekstrem).


Banjir boleh terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor seperti hujan lebat, air pasang laut yang tinggi, halangan aliran air di dalam sistem saliran dan juga masalah sungai yang semakin cetek. Banjir juga terjadi disebabkan oleh aliran air yang begitu luar biasa deras berpunca daripada hujan atau banjir lumpur akibat daripada perubahan gunatanah yang mendadak. Tempoh sesuatu kejadian banjir itu berlaku samada lama atau cepat untuk air banjir kembali surut bergantung kepada keadaan sesuatu sungai atau keadaan muka bumi tempat tersebut. Ia boleh berlaku beberapa jam atau hingga berlarutan berhari-hari.

1.2. Peristiwa Banjir

Secara umumnya, kesemua negeri di Malaysia mengalami banjir sepanjang tahun 2022. Negeri yang paling kerap dilanda banjir adalah negeri Sarawak dengan jumlah 242 kejadian banjir, diikuti oleh negeri Kedah dengan 108 kejadian dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Labuan merekodkan kejadian banjir paling kurang iaitu 3 kejadian. Jadual 1.2.1 menunjukkan maklumat kejadian banjir seluruh Malaysia berpandukan Laporan Banjir Semasa bagi tahun 2022. Graf 1.2.1 adalah bilangan kekerapan kejadian banjir mengikut negeri bagi tahun 2022.

Jadual 1.2.1 Kejadian Banjir Seluruh Malaysia Bagi Tahun 2022

Negeri	Bilangan Kejadian Banjir	Purata Nilai Hujan Maksimum (mm)	Tempoh Hujan Maksimum (jam)	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
Selangor	107	88	10	0.7
WP Kuala Lumpur	3	112	2	1.0
Perak	7	112	3	1.0
Pulau Pinang	13	98	6	0.5
Kedah	108	85	3	1.8
Perlis	5	79	3	0.5
Negeri Sembilan	99	87	9	1.0
Johor	92	108	72	0.6
Melaka	39	84	4	1.0
Pahang	69	89	96	2.5
Terengganu	107	321	72	0.5
Kelantan	26	106	6	3.0
Sarawak	242	126	96	3.0
Sabah	63	157	120	3.5
WP Labuan	3	92	3	0.5
Jumlah	983			




Graf 1.2.1: Bilangan Kekerapan Kejadian Banjir bagi Tahun 2022

1.3. Punca-punca Banjir

Kejadian banjir di Malaysia berpunca dari pelbagai faktor. Hujan lebat yang berterusan dengan berkeamatan yang tinggi merupakan faktor utama kejadian banjir. Jadual 1.3.1 dan Graf 1.3.1 menunjukkan purata hujan harian tertinggi semasa kejadian-kejadian banjir bagi tahun 2022 mengikut negeri.

Jadual 1.3.1 Purata Hujan Harian Tertinggi Tahun 2022

Negeri	Purata Hujan Harian Tertinggi (mm)
Perlis	79
Kedah	85
Pulau Pinang	98
Perak	112
Kelantan	106
Terengganu	321
Pahang	89
Selangor	88
Melaka	84
Negeri Sembilan	87
Johor	108
Sabah	157
Sarawak	126
WP Kuala Lumpur	112
WP Labuan	92



Graf 1.3.1 : Purata Hujan Harian Tertinggi Semasa Kejadian Banjir Tahun 2022




Graf 1.3.2 : Tempoh banjir maksimum bagi Tahun 2022

Keadaan hujan sebegini telah menyebabkan banjir dalam tempoh beberapa jam hingga ke beberapa hari. Graf 1.3.2 menunjukkan tempoh banjir maksimum bagi semua negeri pada tahun 2022. Tempoh banjir maksimum yang telah direkodkan semasa kejadian banjir pada tahun 2022 adalah 120 jam iaitu banjir di negeri Sabah. Tempoh banjir yang tidak lebih daripada 24 jam dicatatkan di Selangor, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang lazimnya dikategorikan sebagai banjir kilat. Manakala, banjir yang berlaku dengan tempoh yang panjang lazimnya adalah banjir monsun.

Graf 1.3.3 menunjukkan kedalaman banjir maksimum bagi semua negeri pada tahun 2022. Negeri Pahang mencatatkan rekod kedalaman banjir maksimum sehingga 6 meter diikuti dengan negeri Sarawak dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 5 meter. Dua buah negeri mencatatkan bacaan kedalaman banjir maksimum yang sama iaitu 3 meter di negeri Kelantan dan Sabah.

Selain daripada faktor hujan, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan banjir. Faktor-faktor tersebut adalah:

- i. Sistem saliran tidak dapat menampung air larian permukaan kerana tersumbat dengan sampah sarap dan kelodak hasil dari pembinaan atau kerja tanah di kawasan sekitar;
- ii. Ketidakupayaan sistem saliran sediaada untuk menampung peningkatan air larian permukaan yang mendadak akibat hujan lebat berkeamatan yang tinggi dalam masa yang singkat;
- iii. Limpahan air sungai yang disebabkan oleh hujan berterusan dan menyeluruh serta kesan pelepasan air dari empangan;
- iv. Pemendapan dasar sungai yang mengakibatkan sungai-sungai menjadi cetek dan sempit;
- v. Perubahan corak gunatanah hasil daripada pembangunan setempat yang tinggi dan pesat menyebabkan kurangnya kawasan telap air;
- vi. Pembinaan dalam kawasan rizab sungai;
- vii. Pengaruh pasang-surut air laut. Masalah banjir berlaku apabila air laut pasang tinggi dan hujan lebat berlaku pada masa yang sama. Akibatnya air daripada sistem saliran samada sungai semulajadi atau saliran perparitan mengambil masa yang lama untuk menyalirkan air; dan
- viii. Kawasan rendah dan berisiko untuk banjir.



Graf 1.3.3 : Kedalaman Banjir Maksimum bagi Tahun 2022

1.4. Penutup

Sebagai penutup, bilangan banjir yang berlaku di seluruh Malaysia pada tahun 2022 ialah sebanyak 983 kejadian banjir. Negeri Sarawak mencatatkan bilangan kejadian banjir tertinggi iaitu sebanyak 242 kejadian banjir manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan masing – masing merekodkan hanya 3 kejadian banjir untuk tahun 2022. Banjir yang berlaku di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak adalah disebabkan oleh hujan lebat sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) pada bulan Januari 2022 hingga Mac 2022 dan bulan November 2022 hingga Disember 2022. Banjir di negeri-negeri pantai barat semenanjung seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenali sebagai banjir kilat disebabkan faktor hujan lebat yang berkeamatan tinggi ditambah pula dengan pertambahan kawasan yang telah pesat membangun menyebabkan bilangan kejadian banjir bertambah sementara kejadian banjir di Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan turut menerima kejadian banjir kilat dan banjir monsun sepanjang tahun 2022.

2.0 LAPORAN KEJADIAN BANJIR MENGIKUT NEGERI

2.1. Perlis

Negeri Perlis terletak di bahagian utara pantai barat Semenanjung Malaysia. Keluasan Negeri Perlis adalah 819 km² yang terdiri daripada 6 daerah iaitu Arau, Kaki Bukit, Kangar, Kuala Perlis, Padang Akhbar dan Simpang Empat. Terdapat dua (2) lembangan sungai utama di Negeri Perlis iaitu Lembangan Sungai Arau dan Sungai Perlis.

Pada tahun 2022, Perlis telah merekodkan lima (5) kejadian banjir kilat. Daerah Kangar merekodkan kejadian banjir paling banyak bagi tahun 2022 iaitu sebanyak tiga (3) kejadian. Salah satu kejadian banjir yang luar biasa direkodkan pada 5/6/2022 telah melibatkan Taman Melati dan Berseri dengan merekodkan nilai hujan maksimum tertinggi bagi negeri Perlis di Stesen Bukit Temiang iaitu sebanyak 99mm untuk tempoh hujan maksimum selama 2 jam, tempoh ulang 18 ARI dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 0.5 meter. Jadual 2.1.1 menunjukkan peristiwa banjir mengikut daerah di negeri Perlis bagi tahun 2022. Manakala Jadual 2.1.2 menunjukkan kekerapan banjir mengikut daerah di negeri Perlis bagi tahun 2022 dan Jadual 2.1.3 menunjukkan jenis banjir mengikut daerah di Negeri Perlis bagi tahun 2022.

Punca-punca bagi kejadian banjir di Perlis adalah:

- i) hujan lebat
- ii) saliran dalaman; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
- iii) pembangunan, pembukaan tanah, sampah sarap dan pelepasan air

Jadual 2.1.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Perlis Tahun 2022

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/ Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
1.	8/5/2022	Arau	Ulu Pauh	0.42
2.	5/6/2022	Kangar	Taman Melati, Berseri	0.50
3.	16/10/2022	Kangar	Kampung Titi Chai/ Utan Aji, Kangar Kampung Sentua Kangar	0.1-0.3
4.	16/10/2022	Kuala Perlis	Taman Kuala Perlis, Kampong Telok, Kuala perlis	0.1-0.5
5.	16/10/2022	Kangar	Kampung Bakau	0.1-0.5

Jadual 2.1.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Perlis Tahun 2022

Daerah	Kekerapan
Arau	1
Kuala Perlis	1
Kangar	3
JUMLAH	5

Jadual 2.1.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Perlis Tahun 2022

Daerah	Jenis Banjir			Jumlah
	Monsun	Kilat	Pantai	
Arau	0	1	0	1
Kuala Perlis	0	1	0	1
Kangar	0	3	0	3
JUMLAH	0	5	0	5

2.2. Kedah

Negeri Kedah terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan memiliki keluasan 9,425 km². Terdapat 12 daerah di negeri Kedah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Langkawi, Kuala Muda, Yan, Sik, Baling, Kulim, Bandar Baharu, Pendang dan Pokok Sena. Terdapat 16 lembangan sungai utama di Negeri Kedah iaitu Sungai Ayer Hangat, Sungai Chenang, Sungai Ewa, Sungai Gurun, Sungai Kedah, Sungai Kelibang, Sungai Kerian, Sungai Kilim, Sungai Kuah, Sungai Melaka, Sungai Merbok, Sungai Muda, Sungai Prai, Sungai Singkir, Sungai Tarom dan Sungai Temoyong.

Negeri Kedah telah merekodkan 108 kejadian secara keseluruhan iaitu sebanyak 103 kejadian banjir kilat dan lima (5) kejadian banjir pantai sepanjang tahun 2022. Daerah Baling merekodkan kejadian banjir paling banyak bagi tahun 2022 iaitu sebanyak 24 kejadian. Kejadian banjir luar biasa direkodkan pada 14/11/2022 dan 15/11/2022 yang melibatkan Perumahan UUM, Taman Palma Sintok, Jalan Laka Selatan/ UUM (Jambatan JKR Tok Kassim), Kampung Seberang Changkat Setoi, Kampung Belukar dan Kampung Sungai Petani di daerah Kubang Pasu dengan nilai hujan maksimum tertinggi bagi negeri Kedah di Stesen Felda Bukit Tangga iaitu sebanyak 98.5mm untuk tempoh hujan maksimum selama 1 jam, tempoh ulang 38 ARI dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 0.3 hingga 1.0m bagi kawasan banjir masing masing. Jadual 2.2.1 menunjukkan peristiwa banjir mengikut daerah di negeri Kedah bagi tahun 2022. Manakala Jadual 2.2.2 menunjukkan kekerapan banjir mengikut daerah di negeri Kedah bagi tahun 2022 dan Jadual 2.2.3 menunjukkan jenis banjir mengikut daerah di Negeri Kedah bagi tahun 2022.

Punca-punca bagi kejadian banjir di Kedah adalah:

- i) kejadian hujan lebat
- ii) kejadian saluran dalaman; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
- iii) kejadian air sungai melimpah; melebihi kapasiti, sempit, cetek dan tidak diselenggara.
- iv) struktur tebatan/ kawalan banjir; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
- v) kejadian air laut pasang
- vi) pembangunan, pembukaan tanah, sampah sarap dan pelepasan air

Jadual 2.2.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Kedah Tahun 2022

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
1.	15/2/2022	Kulim	Kampung Padang Meiha	0.1-0.3
2.	8/3/2022	Baling	Kampung Bendang Sera, Taman Mahmud, Kampung lubuk Pedati, Kampung Pokok Sena, Kampung Teluk Pendiati(pulai), Kampung Tok Weng, Kampung Kuala Kedua, Kampung Siput, Kampung Malau	0.3-0.8
3.	9/3/2022	Baling	Kampung Bendang Sera, Kampung lubuk Pedati, Kampung Bukit, Kampung Masjid Kuala Kuang, Kampung Kemangi, Kampung Kuala Kuang, Kampung Bendang Padang, Kampung Charok Kangar, Kampung Tanjung	0.3-0.6
4.	6/3/2022	Kulim	Kampung Air Puteh	0.1-0.5
5.	6/3/2022	Bandar Baharu	Kampung Tengah, Kampung Paya Semambu, Kampung Kilang Batu, Kampung Ulu	0.1-0.3
6.	14/3/2022	Kubang Pasu	Kampung Muhibbah, Napoh (Persimpangan Lampu Isyarat)	0.1-0.5
7.	16/3/2022	Kulim	Kampung Baru Sungai Kob, Kampung Padang Limau, Kampung Banggol Penyengat, Kampung Seberang Jaya	0.1-0.4
8.	16/3/2022	Kulim	Kampung Ulu Mahang, Kampung Paya	0.10
9.	19/3/2022	Kota Setar	Taman Sultan Abdul Halim	0.1-0.2
10.	7/4/2022	Bandar Baharu	Kampung Tengah, Kampung Paya Semambu	0.1-0.3
11.	19/4/2022	Baling	Kampung Kuala Chenerai	0.1-0.3

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
12.	26/4/2022	Baling	Kampung Tok Weng, Kampung Teluk Pendi, Kampung Talang, Kampung Pokok Sena	0.3-1.0
13.	3/5/2022	Baling	Lubok Pedati	0.1-0.3
14.	9/5/2022	Kubang Pasu	Kampung Paya Nongmi	0.1-0.3
15.	10/5/2022	Baling	Kampung Batu 60, Kampung Seri Ketangga	0.1-0.3
16.	16/5/2022	Kota Setar	Kawasan Terminal dan persimpangan jalan utama Kuala Kedah, Jeti nelayan seberang Kota Kuala Kedah, Taman Seri Pantai dan Taman Seri Putra	0.2-0.4
17.	16/5/2022	Yan	Kampung Kuala Raga, Kampung Kuala Sungai Yan, Kuala Sala	0.0-0.1
18.	16/5/2022	Baling	Kampung Bendang Padang, Kampung Bukit Iboi, Kampung Charok, Kampung Seberang Jaya Sadek, Kampung Hangus, Kampung Ketemba	0.1-0.3
19.	18/5/2022	Langkawi	Kampung Bakau Kelibang, Langkawi	0.1-0.3
20.	16/5/2022	Yan	Kampung Kuala Raga, Kampung Kuala Sungai Yan, Kuala Sala	0.0-0.1
21.	18/5/2022	Kuala Muda	Kampung Kepala Tanjung, Tanjung Dawai, Kampung Nelayan Fasa 1, Pengkalan Bujang, Merbok, Kampung Kepala Jalan, Kota Kuala Muda	0.1-0.3
22.	1/6/2022	Kota Setar	Kampung Alor Gunung mukim Gunung	0.1-0.3
23.	2/6/2022	Kuala Muda	Kampung Sg Ibor, Kampung Belakang Makamah Gurun, Kampung Jelatang, Kampung Batu 5, Kampung Sungai Badak, Kampung sungai bongkok	0.1-0.35

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
24.	2/6/2022	Yan	Teroi Bukit	0.45
25.	2/6/2022	Pendang	Kampung Baru	0.1-0.2
26.	11/6/2022	Baling	Kampung Kemelong, Kampung Jerai	0.3-0.35
27.	11/6/2022	Baling	Kampung Teluk Sungai Limau, Kampung Banggol Sedang, Kampung Siput, Kampung Kuala Kedua, Kampung Baru, Kampung Bukit Sebelah	0.1-0.3
28.	20/6/2022	Bandar Baharu	Kampung Sungai Tengah, Kampung Sungai Itam Dalam, Kampung 300 kaki, Kampung Paya Semambu, Kampung Terap Dalam	0.1-0.3
29.	28/6/2022	Baling	Kampung Rambong Batu 7, Kampung Padang Cicar, Kampung bt 7 Jalan Kroh, Kampung Bendang sera, Kampung Banggol Derom, Kampung lahar, Kampung bt 48, Kampung kaki bukit, Kampung dusun Ghani, Kampung Bukit Palong, Kampung sbrg sek pghulu abu bakar, Kampung bongor masjid, Kampung Lubuk Pedati, Kampung Siput, Kampung Baru, Kampung Charok Bunting, Kampung Sri Kemunting, Kampung Teluk Rambong, Batu 8 Kampung Bandar	0.3-1.2
30.	28/6/2022	Pendang	Kampung Chelong	0.1-0.15
31.	28/6/2022	Sik	Kampung Jerai, Kampung Telaga Batu, Kampung Melaka, Kampung Lintang, Kampung Belantik Dalam, Kampung Surau, Kampung Pinang, Kampung Perangkap	0.2 – 0.45
32.	4/7/2022	Baling	Kampung Iboi, Kampung Padang Lengkuas, Kampung Hangus	0.2-1.0

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
			Kampung Pisang	
33.	4/7/2022	Kulim	Kampung Ulu Mahang, Kampung Paya Mahang, Kampung Desa Terona	0.1-0.4
34.	19/7/2022	Baling	Kampung Iboi	0.3-0.6
35.	24/7/2022	Yan	Kawasan Belida	0.1-0.15
36.	28/7/2022	Baling	Kampung Bendang Padang, Kampung Bendang Pecah, Kampung Iboi, Kampung Padang Empang, Kampung Hangus, Kampung Jerai, Kampung Bukit Hijau	0.6-1.3
37.	2/8/2022	Baling	Kampung Teluk Sanau, Batu 7 Bendang Sera, Lubuk Pedati, Kampung Rambong, Kampung Pantai, Kampung Jernang, Kampung Seberang Watt, Kampung Weng, Kampung Charok Juan	0.6-1.3
38.	2/8/2022	Langkawi	Kampung Syed Nahar	0.30
39.	6/8/2022	Langkawi	Kampung Kilim	0.3-0.5
40.	16/8/2022	Kubang Pasu	Jalan Changlun-Jitra (hadapan Taman Jelutong, Changlun)	0.1-0.3
41.	21/8/2022	Yan	Belida (Taman Samudera/Taman Selat)	0.1-0.15
42.	25/8/2022	Langkawi	Kampung Padang Matsirat (Pasar Awam Pdg Matsirat), Kampung Lubok Setol, Kampung Lubok Setol	0.3-0.5
43.	30/8/2022	Pendang	Kampung Sungai Mas	0.1-0.3
44.	30/8/2022	Sik	SMK Gulau, Kampung Charok Senduk	0.30

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
45.	12/7/2022	Kota Setar	Jalan Sultanah, Taman Wira, Taman Cencaru, Kampung Gunung Sali, Taman Tanjung Bendahara, Kampung Borhan	0.1 – 0.2
46.	4/9/2022	Langkawi	Kampung Padang Matsirat (Pasar Awam Padang Matsirat), Kampung Nyior Chabang, Taman Sentosa, Taman Cenderawasih, Kampung Bayas Kampung Limbong Putra	0.3-0.5
47.	6/9/2022	Baling	Taman Bayu Sejahtera, Kampung Sungai Batu, Kampung Lata Celak, Kampung Masjid Iboi, Kampung Bukit Iboi, Padang Empang/Kampung Dusun, Kampung Bendang Padang, Kampung Hangus, Kampung Iboi, Kampung Tok Saba	0.6-1.8
48.	11/9/2022	Kota Setar	Kawasan terminal feri dan kawasan persimpangan jalan utama Kuala Kedah, Taman Seri Pantai dan Taman Seri Putra	0.2-0.4
49.	13/9/2022	Langkawi	Kampung Dato' Bakar, Taman Seri Pantai dan Taman Seri Putra	0.3-0.5
50.	6/10/2022	Kulim	Kampung Belakang Masjid Sungai Kob, Kampung Sungai Kob, Kampung Padang Limau	0.1-0.5
51.	9/10/2022	Kuala Muda	Kampung Bakar Kapor, Taman Nuri, Kampung Bukit Belah, Taman Kenari, Kampung Jelatang, Kampung Guar, Kampung Bongkok	0.1-0.3
52.	9/10/2022	Baling	Taman Bayu Sejahtera, Kampung Bendang Sera, Kampung Sg Batu, Kampung Seberang Pekan, Kampung Lubuk Pedati, Kampung Masjid Baling, Taman Intan, Kampung Siam Lorong Hj Mahmud, Kampung Bwh Gunung Padang Empang/Kampung Dusun, Kampung Siput, Kampung Memali, Kpg Pantai, Kpg Paya, Kpg Tok Mat Ali, Kampung Tanjung, Merbau, Kampung Tok	0.6-1.8

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
			Weng, Kampung Temusu, Kampung Banggol Sedang, Kampung Che wan Jusoh, Kampung Charok Sikin, Kampung Charuk Bemban, Kampung Gua Reban	
53.	9/10/2022	Padang Terap	Kampung Labi (Mukim Tualak),	0.1-0.3
54.	9/10/2022	Langkawi	Kampung Kilim, Kampung Ewa, Kampung Ewa	0.3-0.5
55.	10/10/2022	Kota Setar	Kampung Alor Gunung	0.1-0.2
56.	11/10/2022	Kota Setar	Pasar Kota Nelayan Kuala Kedah	0.1-0.3
57.	16/10/2022	Langkawi	Kampung Kilim (Galeria Perdana), Kampung Ayer Hangat (Telaga Air Hangat), Kampung Sg Itau, Kampung Bohor Merah, Kampung Teluk Yu, Kampung Bkt Kemboja, Kampung Penarak, Kampung Titi Changwang, Padang Matsirat (Pasar Basah Padang Matsirat dan Kampung Sekitar, Kampung Atas Padang Matsirat, Kampung Nyior Chabang)	0.3-0.5
58.	16/10/2022	Kota Setar	Kampung Alor Gunung mukim Gunung	0.1-0.2
59.	16/10/2022	Kubang Pasu	(Mukim Temin) Jalan Changlun-Jitra, (Mukim Sintok) Jalan UUM, (Mukim Malau) Jalan Malau, (Mukim Pering) Kampung Kodiang	0.1-0.3
60.	17/10/2022	Kubang Pasu	Kampung Paya Lantau, Kampung Nang Mah, Kampung Paya Nongmi	0.1-0.3
61.	17/10/2022	Pendang	Kampung Seberang Pendang, Kampung Suka Mari	0.1-0.2
62.	19/10/2022	Langkawi	Padang Matsirat (Pasar Basah Padang Matsirat, Kampung sekitar dan Rumah Pam SADA), Kampung Lubok Setol, Kampung	0.3-0.5

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
			Nyior Chabang, Kampung Dato' Bakar, Taman Sentosa, Kampung Titi Changwang, Kampung Ulu Melaka, Kampung Bukit Kemboja, Kampung Kelibang, Kampung Bohor Masjid, Kampung Bohor Berendam	
63.	22/10/2022	Padang Terap	Kampung Baru Padang Sanai	0.1-0.5
64.	24/10/2022	Langkawi	Kampung Syed Nahar, Kampung Dato' Bakar, Kampung Kelibang	0.3-0.5
65.	25/10/2022	Pendang	Kampung Bukit Genting, Kampung Paya Kelubi	0.1-0.2
66.	26/10/2022	Kota Setar	Pasar Kota Nelayan Kuala Kedah, Jalan Taman Seri putra, Jalan Tok pasai	0.1-0.3
67.	26/10/2022	Langkawi	Kampung Syed Nahar, Kampung Sungai Itau, Telaga Ayer Hangat, Kampung Dato Bakar, Mahkamah Langkawi, Kampung Kilim (Galeria Perdana, Kuarters dan Kampung Sekitar), Kampung Belanga Pecah, Kampung Padang Gaong, Taman Indah	0.1-1.5
68.	26/10/2022	Baling	Kampung Malau, Kampung Seratus, Kampung Air Kepar, Kampung Kuala Nau, Kampung Ulu Bakai, Kampung Baru Bakai, Kampung Badang, Kampung Ulu Tawar, Kampung Air Merah, Kampung Jernang, Kampung Tualang Bok, Besah	0.3-1.3
69.	26/10/2022	Padang Terap	KampungPerik, KampungLabi, Kampung Bendang Raja	0.5-1.2
70.	26/10/2022	Kubang Pasu	Kampung Telok, Kampung Bendang Dalam, Kampung Tanjung	0.5-1.0
71.	27/10/2022	Sik	Kampung Bendang Man, Kampung Chepir/Kampung Bungah, Kampung Lalang, Kampung Belimbing, Kampung Lubok Tualang, Tanjung Setar, Kampung Jerai, Kampung	0.1-1.0

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
			Kemelong	
72.	27/10/2022	Baling	Kampung Tualang, Kampung Charok Pendi	0.3-0.7
73.	28/10/2022	Kubang Pasu	Kampung Kota Mengkuang, Kampung Padang Luar, Kampung Lubuk Batu, Kampung Telok, Kampung Bendang Dalam, Kampung Tanjung	0.3-0.6
74.	28/10/2022	Kota Setar	Kampung Alor Gunung, Kampung Pulau kerengga Kampung Alor Senjaya, Kampung Alor perang, Taman Pulai Jaya Jalan Langgar	0.1-0.45
75.	28/10/2022	Sik	Kampung Bendang Man, Kampung Chepir/Kampung Bunga, Kampung Lalang Kampung Seberang Pekan Kampung Tanjung Setar Kampung Jerai, Kampung Kemelong, Kampung Titi Semang	0.1-1.2
76.	28/10/2022	Baling	Kampung Siput, Kampung Baru, Batu 8, Kampung tanjung pari, Kampung Sri Ketangga, Kampung Memali, Kampung Bukit Sebelah	0.6-1.4
77.	30/10/2022	Sik	Kampung Kemelong, Kampung Titi Semang	0.1-0.6
78.	31/10/2022	Kubang Pasu	Lebuhraya PLUS, hadapan Taman Jelutong	0.30
79.	3/11/2022	Pendang	Kampung Tong Prok	0.1-0.3
80.	3/11/2022	Sik	Kampung Lintang, Kampung Belantek Dalam, SK Ampang Muda, Kampung Surau, Kampung Pinang, Kampung Telaga Batu, Kampung Padang Chichak	0.1-0.2
81.	4/11/2022	Langkawi	Padang Matsirat (Pasar Basah Padang Matsirat, Kampung sekitar), Kampung Padang Kandang, Kampung Limbong Putra	0.1-0.5

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
82.	4/11/2022	Baling	Kampung Iboi, Kampung Padang Empang, Kampung Dusun	0.6-1.4
83.	4/11/2022	Kuala Muda	Kampung Baru, Jalan Pematang Gedong, Kampung Dakwah Taman Sutera Idaman, Jalan Hadapan Mydin, Kampung Masjid Tikam Batu, Taman Seri Jenaris Tikam Batu, Kampung Guar Stesen, Tol Gurun	0.1-0.2
84.	5/11/2022	Langkawi	Kampung Kelubi, Kampung Limbong Putra, Kampung Belakang Pasar Padang Matsirat	0.1-1.5
85.	4/11/2022	Yan	Kampung Teroi, Kampung Perigi, Sek Men Islam Darul Izzah	0.2-0.4
86.	4/11/2022	Pendang	Pekan Pendang, Kampung Ayer Puteh Dalam, Taman Teratai, Kampung Bukit Genting Taman Nangka Madu	0.1-0.2
87.	11/11/2022	Kulim	Taman Seri Kulim, Sekolah Tabiah Diniah, Kampung Belakang Masjid Sungai Kob, Kampung Padang Limau, Taman Serai Wangi, Taman Serai Setia, Taman Damai, Taman Sang Kancil, Kampung Sungai Limau, Taman Anggerik, Kampung Baru Air Merah, Jalan Junjung (Hadapan KV Kulim), Taman Melur Indah, Jalan Taman Kenari ke Sg Ular (Berhampiran Petron)Jalan Hindu Sabha ke Kampung Pdg Tembak, Taman Tunku Putra, Jalan Keladi Taman Selasih (Depan Giant Kulim), Kampung Batu 8, Kampung Bukit Sarang Ayam, Kampung Padang Ah Kau, Kampung Bukit Tok Karim, Kampung Permatang Tok Dik, KEDA Nagalilit, Taman Tiram Taman Perak, Taman Lobak Taman Aman, Lunas	0.1-0.5
88.	11/11/2022	Bandar Baharu	Kampung SungaiPunti, Kampung Bt. 16, Kampung Tengah, Kampung Bt. 18	0.1-0.3

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
89.	14/11/2022	Kubang Pasu	Perumahan UUM, Taman Palma Sintok, Jalan Laka Selatan/UUM (Jambatan JKR Tok Kassim)	0.3-1.0
90.	14/11/2022	Pendang	Kampung Nam Dam	0.1-0.2
91.	14/11/2022	Sik	Kampung Telaga Batu, Kampung Kemelong, Kampung Lentang	0.1-0.6
92.	14/11/2022	Bandar Baharu	Kampung Sungai Tepus, Taman Cahaya Nilam, Kampung Sungai Kecil Ulu – jalan kampung, Kampung Bkt. Tok Din, Kws Desa Rimbunan Kasih – Kawasan halaman Taman Rimbunan kasih, Kampung Permatang Kerat Telunjuk, Jalan Ban Haji Md Sharif	0.6-0.9
93.	11/11/2022	Kulim	Kampung Balik Bukit (Sg Jarak), Kampung Bukit Sarang Ayam (Sg Jarak), Kampung Sungai Seluang (Sungai Seluang Atas), Jalan Kampung Permatang Durian (Sg Jarak), Kampung Padang Limau	0.1-0.5
94.	15/11/2022	Langkawi	Kampung Ewa, Kampung Nyior Chabang, Kampung Belakang Pasar Padang Matsirat, Kampung Bayas, Kampung Temoyong	0.1-0.3
95.	15/11/2022	Kubang Pasu	Kampung Seberang Changkat Setoi, Kampung Belukar Kampung Sungai Petani	0.3-1.0
96.	14/11/2022	Baling	Kampung Padang Empang, Kampung Dusun	0.6-1.0
97.	15/11/2022	Padang Terap	Kampung Pokok Machang, Kampung Tandop Besar Kampung Kubang Juluk Kampung Sungai Petani	0.3-1.0
98.	19/11/2022	Langkawi	Taman Nilam	0.3-0.5
99.	23/11/2022	Yan	Kuala Sungai Yan Besar	0.30

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
100.	23/11/2022	Kulim	Kampung Nelayan, Kampung Sungai Pial, Tangjung Dawai	0.1-0.15
101.	24/11/2022	Kota Setar	Pasar Kota Nelayan Kuala Kedah, Jalan Taman Seri putra, Jalan Tok pasai	0.1-0.3
102.	26/11/2022	Baling	Kampung Padang Lengkuas/Kampung Bendang, Kampung Padang Dan	0.6-1.0
103.	29/11/2022	Bandar Baharu	Kampung 300 kaki	0.1-0.5
104.	1/12/2022	Baling	Kampung Bok Bak, Kampung Bukit Iboi, Kampung Padang Empang, Kampung Dusun Kampung Charok Kapas, Kampung hangus, Kampung Pak Bong, Kampung Sadek, Kampung Tanjung, Kampung Padang Dan, Kampung Bendang Padang Kampung Bendang Becah, Yayasan Khairiah	0.6-1.5
105.	3/12/2022	Baling	Kampung Teluk Petata, Kampung Teluk Merubi, Hadapan Bayu Hotel, Hadapan Masjid Al Muttaqin (Kampung Titi Teduri	0.3-1.0
106.	6/12/2022	Kubang Pasu	Kampung Telok	0.5-1.0
107.	6/12/2022	Padang Terap	Kampung Perik	1-1.5
108.	21/12/2022	Kota Setar	Kampung Alor Gunung	0.1-0.45

Jadual 2.2.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Kedah Tahun 2022

Daerah	Kekerapan
Baling	24
Bandar Baharu	6
Kota Setar	12
Kuala Muda	4
Kubang Pasu	11
Kulim	9
Langkawi	15
Padang Terap	5
Pendang	8
Sik	7
Yan	7
JUMLAH	108

Jadual 2.2.3 Jenis Banjir mengikut daerah di Negeri Kedah Tahun 2022

Daerah	Jenis Banjir			Jumlah
	Monsun	Kilat	Pantai	
Baling	0	24	0	24
Bandar Baharu	0	6	0	6
Kota Setar	0	9	3	12
Kuala Muda	0	3	1	4
Kubang Pasu	0	11	0	11
Kulim	0	9	0	9
Langkawi	0	14	1	15
Padang Terap	0	5	0	5
Pendang	0	8	0	8
Sik	0	7	0	7
Yan	0	7	0	7
JUMLAH	0	103	5	108

2.3. Pulau Pinang

Pulau Pinang terletak di barat laut Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada bahagian pulau dan juga tanah besar iaitu Seberang Perai dengan keluasan Pulau Pinang adalah 1,031 km². Terdapat lima (5) daerah di Pulau Pinang iaitu Barat Daya Pulau Pinang, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Timur Laut Pulau Pinang. Manakala 20 lembangan sungai utama yang terdapat di Pulau Pinang ialah Sungai Bagan Air Hitam, Sungai Bt. Feringghi, Sungai Lahar Endin, Sungai Macang Bubuk, Sungai Telok Kumbar, Sungai Ara, Sungai Dua, Sungai Gelugur, Sungai Jawi, Sungai Junjung, Sungai Jawi, Sungai Junjung, Sungai Juru, Sungai Kechil, Sungai Kerian, Sungai Kulim, Sungai Muda, Sungai Perai, Sungai Pinang dan Sungai Tembus.

Pulau Pinang telah merekodkan 13 kejadian banjir kilat sepanjang tahun 2022. Daerah Barat Daya merekodkan kejadian banjir paling banyak bagi tahun 2022 iaitu sebanyak enam (6) kejadian banjir. Salah satu kejadian banjir luar biasa direkodkan pada 19 April 2022 yang melibatkan Taman Sejahtera, Taman Selamat, Taman Impian, Taman Binjai, Taman Tembikai, Kampung Padang Lalang, Taman Guru, Kampung Tanah Liat, Kampung Dock, Taman Kota Permai, Taman Permai Jaya, Kampung Nenas, Pasar Besar BM, Kampung Permatang Rawa, Taman Keenway dan Kampung Mengkuang Titi di Daerah Seberang Perai Tengah telah merekodkan nilai hujan maksimum tertinggi bagi negeri Pulau Pinang di Stesen Pusat Pertanian Cerok Tok Kun iaitu sebanyak 104mm untuk tempoh hujan maksimum selama 1 jam, tempoh ulang 30 ARI, dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 0.2 hingga 0.5m. Jadual 2.3.1 menunjukkan peristiwa banjir mengikut daerah di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022. Manakala Jadual 2.3.2 menunjukkan kekerapan banjir mengikut daerah di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 dan Jadual 2.3.3 menunjukkan jenis banjir mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

Punca-punca bagi kejadian banjir di Pulau Pinang adalah:

- i) kejadian hujan lebat
- ii) kejadian saliran dalaman; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
- iii) kejadian air sungai melimpah; melebihi kapasiti, sempit, cetek dan tidak diselenggara.
- iv) kejadian air laut pasang
- v) pembangunan, pembukaan tanah, sampah sarap dan pelepasan air

Jadual 2.3.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022

	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
1.	6/3/2022	Seberang Perai Tengah	Taman Sejahtera, Taman Machang bubuk, Kampung Tasek Junjung	0.1-0.3
2.	7/4/2022	Seberang Perai Selatan	Kampung Besar, Nibong Tebal	0.2-0.4
3.	19/4/2022	Seberang Perai Tengah	Taman Sejahtera, Taman Selamat, Taman Impian, Taman Binjai, Taman Tembikai, Kampung Padang Lalang, Taman Guru, Kampung Tanah Liat, Kampung Dock, Taman Kota Permai, Taman Permai Jaya, Kampung Nenas, Pasar Besar Bm, Kampung Permatang Rawa, Taman Keenway, Kampung Mengkuang Titi	0.2-0.5
4.	11/5/2022	Seberang Barat Daya	Lintang Sungai Nibong	0.1-0.2
5.	24/9/2022	Barat Daya	Sungai Burung (Lik Lau Nursery)	0.1-0.3
6.	24/9/2022	Barat Daya	Kampung Seronok, Kampung Sg Tiram, Kampung Baroh, Jalan Kolam Ikan, Taman Manggis, Sk Sri Bayu, Kampung Matahari Naik, Kampung Baru Sungai Ara, Jalan Dato Ismail Hashim, Jalan Mahsuri, Jalan Tengah	0.1-0.5
7.	15/10/2022	Barat Daya	Kampung Matahari Naik, Kampung Masjid, Kampung Paya, Kampung Padang, Kampung Manggis, Kampung Seronok, Kampung Bukit, Kampung Naran, Taman Iping Bt. Maung Titi Sg Burung (Berhampiran Ibu Bekalan Sungai Burung)	0.1-0.45
8.	16/10/2022	Barat Daya	Kampung Naran, Kampung Matahari Naik, Kampung Paya	0.1-0.2
9.	31/10/2022	Barat Daya	Kampung Naran	0.30
10.	11/11/2022	Seberang Perai Tengah	Kampung Tok Konan, Taman Impian, Jalan Rozhan, Jalan Kota Permai, Taman Markisah, Taman Seri Mengkuang, Mengkuang Titi, Jalan Ikbn, Taman Guru, Kampung Dock, Kampung Baru Alma, Taman Mangga, Taman Sukun, Taman Sejahtera	0.2-0.4
11.	12/11/2022	Seberang Perai Utara	Kampung Lahar Yooi, Kampung Labuh Banting	0.1-0.45

	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
12.	15/11/2022	Seberang Perai Selatan	Kampung Sethu, Taman Jawi Jaya (Kawasan Rumah Kedai)	0.1-0.3
13.	23/11/2022	Seberang Perai Utara	Kampung Maklom, Kampung Tok Sani, Jalan Sungai Lokan (Bawah Borr), Kampung Labuh Banting, Kampung Tok Jawa, Kampung Air Itam, Lahar Yooi, Padang Tong Soon, Lubuk Meriam, Simpang Tiga Pokok Tampang, Pinang Tunggal, Kampung Pematang Damar Lahar Tiang, Kuala Muda, Permatang Bendahari	0.1-0.45

Jadual 2.3.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022

Daerah	Kekerapan
Barat Daya	6
Seberang Perai Selatan	2
Seberang Perai Tengah	3
Seberang Perai Utara	2
JUMLAH	13

Jadual 2.3.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022

Daerah	Jenis Banjir			Jumlah
	Monsun	Kilat	Pantai	
Barat Daya	0	6	0	6
Seberang Perai Selatan	0	2	0	2
Seberang Perai Tengah	0	2	0	2
Seberang Perai Utara	0	2	0	2
JUMLAH	0	13	0	13

2.4. Perak

Negeri Perak terdiri daripada 11 buah daerah pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Daerah Larut, Matang dan Selama, Daerah Kuala Kangsar, Daerah Kerian, Daerah Hulu Perak, Daerah Perak Tengah, Daerah Kinta, Daerah Batang Padang, Daerah Manjung, Daerah Kampar, Daerah Hilir Perak dan Daerah Mualim. Pentadbiran JPS Negeri telah menjadikannya sebanyak tujuh (7) buah daerah sahaja JPS Daerah Larut, Matang dan Selama, JPS Daerah Kerian, JPS Daerah Kuala Kangsar/Hulu Perak, JPS Daerah Perak Tengah, JPS Daerah Kinta/Batang Padang, JPS Manjung, dan JPS Hilir Perak.

Keluasan Negeri Perak adalah 21,000 km². Sungai Perak, yang panjangnya lebih kurang 420 km, merupakan sungai utama yang menjadi tulang belakang Negeri Perak bermula dari daerah Hulu Perak bersempadan dengan Thailand dan Negeri Kelantan dan berakhir di Selat Melaka di Bagan Datoh. Disamping itu sungai-sungai lain yang dapat dikumpulkan dalam kategori sungai besar yang boleh menyumbang kepada masalah banjir adalah Sungai Kinta di Daerah Kinta dan Perak Tengah, Sungai Batang Padang di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak, Sungai Kerian di Daerah Larut Matang, Selama dan Kerian, Sungai Kurau di Daerah Larut Matang, Selama dan Kerian, Sungai Larut di Daerah Larut Matang dan Selama, Sungai Bidor di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak, Sungai Sungkai di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak, dan Sungai Slim di Daerah Batang Padang.

Perak telah merekodkan tujuh (7) kejadian banjir kilat secara keseluruhan sepanjang tahun 2022. Daerah Kinta merekodkan kejadian banjir paling banyak bagi tahun 2022 iaitu sebanyak tiga (3) kejadian. Salah satu kejadian banjir luar biasa direkodkan pada 4/4/2022 yang melibatkan Kampung Ulu Nor, Kampung Damak, dan Kampung Telok Garok di daerah Larut Matang Selama telah merekodkan nilai hujan maksimum tertinggi bagi negeri Perak di Stesen Ladang Seldings iaitu sebanyak 137mm untuk tempoh hujan maksimum selama 3 jam, tempoh ulang 39 ARI, dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 0.1 hingga 1.0m. Jadual 2.4.1 menunjukkan peristiwa banjir mengikut daerah di negeri Perak bagi tahun 2022. Manakala Jadual 2.4.2 menunjukkan kekerapan banjir mengikut daerah di negeri Perak bagi tahun 2022 dan Jadual 2.4.3 menunjukkan jenis banjir mengikut daerah di Negeri Perak bagi tahun 2022.

Punca-punca bagi kejadian banjir di Perak adalah:

- i) kejadian hujan lebat
- ii) kejadian saliran dalaman; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
- iii) kejadian air sungai melimpah; melebihi kapasiti, sempit, cetek dan tidak diselenggara.
- iv) pembangunan, pembukaan tanah, sampah sarap dan pelepasan air

Jadual 2.4.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Perak Tahun 2022

Bil.	Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
1.	19/1/2022	Kinta	Taman Desa Impian dan Taman Kinta Mas, Kampung Sungai Rokam	0.1-1.0
2.	14/2/2022	Kinta	Kampung Piandang, Pekan Siputeh	0.1-0.6
3.	3/3/2022	Hilir Perak	Taman Desa Bersatu	0.1-0.3
4.	3/3/2022	Hilir Perak	Kampung Melayu Langkap, Kampung Sungai Rambai	0.1-0.3
5.	14/2/2022	Kinta	Kampung Tengku Hussin, Manjoi Kampung Besi, Klebang	0.20
6.	4/4/2022	Larut Matang Selama	Kampung Ulu Nor, Kampung Damak, Kampung Telok Garok	0.1-1.0
7.	4/4/2022	Hulu Perak	Pekan Gerik, Kampung Air Panas	0.1-0.3

Jadual 2.4.2 Kekerapan Banjir mengikut daerah di Negeri Perak Tahun 2022

Daerah	Kekerapan
Hilir Perak	2
Hulu Perak	1
Kinta	3
Larut, Matang dan Selama	1
JUMLAH	7

Jadual 2.4.3 Jenis Banjir mengikut Daerah di Negeri Perak Tahun 2022

Daerah	Jenis Banjir			Jumlah
	Monsun	Kilat	Pantai	
Hilir Perak	0	2	0	2
Hulu Perak	0	1	0	1
Kinta	0	3	0	3
Larut, Matang dan Selama	0	1	0	1
JUMLAH	0	7	0	7

2.5. Kelantan

Negeri Kelantan terletak di bahagian timur laut Semenanjung Malaysia dengan keluasan 14,922 km². Manakala Bachok, Gua Musang, Jeli, Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat pula merupakan 10 daerah yang terdapat di negeri ini. Terdapat empat (4) lembangan sungai di Negeri Kelantan iaitu Sungai Golok, Sungai Kelantan, Sungai Kemasin dan Sungai Semerak.

Kelantan telah merekodkan 26 kejadian banjir secara keseluruhan dengan 24 kejadian banjir monsun dan dua (2) kejadian banjir kilat sepanjang tahun 2022. Daerah Kuala Krai merekodkan kejadian banjir paling banyak bagi tahun 2022 iaitu sebanyak 18 kejadian.

Salah satu kejadian banjir luarbiasa direkodkan pada 18/12/2022 yang melibatkan Kampung Bukit Sireh dan Kampung Bedal di Daerah Kuala Krai telah merekodkan nilai hujan maksimum tertinggi bagi negeri Kelantan di Stesen Chenulang iaitu sebanyak 208mm untuk tempoh hujan maksimum selama 6 jam, tempoh ulang 24 ARI, dengan kedalaman banjir maksimum sebanyak 0.5m hingga 2.0m. Jadual 2.5.1 menunjukkan peristiwa banjir mengikut daerah di negeri Kelantan bagi tahun 2022. Manakala Jadual 2.5.2 menunjukkan kekerapan banjir mengikut daerah di negeri Kelantan bagi tahun 2022 dan Jadual 2.5.3 menunjukkan jenis banjir mengikut daerah di Negeri Kelantan bagi tahun 2022.

Punca-punca bagi kejadian banjir di Kelantan adalah:

- i) kejadian hujan lebat
- ii) kejadian saliran dalaman; tidak mencukupi, tidak sempurna dan tidak diselenggara
